

Martabatkan koperasi negara di peringkat global

Malaysia tuan rumah ICAKL 2017

Oleh AMIRUL AFIQ MASTOR
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 NOV.

BUAT julung kalinya Malaysia terpilih menjadi tuan rumah konvensyen dwi tahunan Persidangan Global dan Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017 yang berlangsung di Hotel Sunway dan Spa, Bandar Sunway, Selangor dalam memartabatkan penglibatan koperasi daripada seluruh dunia.

ICA 2017 bertemakan *Koperasi Memartabatkan Masyarakat Dalam Arus Pembangunan* melibatkan lebih 300 organisasi dan 1,500 peserta daripada seluruh dunia yang akan bersama selama seminggu di sini.

Malaysia diumumkan menjadi tuan rumah dalam majlis sama yang berlangsung di Turki pada tahun 2015 dengan menawarkan New Zealand, Australia dan Iran selepas Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyatakan hasrat tersebut pada 2013 ketika Persidangan Global dan Perhimpunan Agung ICA di Cape Town, Afrika Selatan.

Selaku badan yang bertanggungjawab menyelaras gerakan koperasi di Malaysia, Angkasa mengambil peranan utama sebagai penganjur ICAKL 2017.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Malaysia merupakan negara Islam kedua selepas Turki menjadi tuan rumah kepada acara terbesar gerakan koperasi seluruh dunia dan ia adalah satu kepercayaan kepada negara.

"Sebanyak 34 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan kali ini yang merangkumi pelbagai sektor termasuklah pembangunan belia, pelarian, pekerja asing dan sebagainya.

"Perbincangan akan merangkumi bagaimana koperasi boleh membantu mengenai perkara tersebut selain mungkin akan menjadi resolusi di negara masing-masing mahupun antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya ketika ditemui baru-baru ini.



Fakta menarik ICAKL 2017

1,500

delegasi daripada dalam dan luar negara

105

negara terlibat

19,000 km

jarak perjalanan ke Malaysia (Ecuador)

14

program dibawah kategori pembelajaran

9

program di bawah kategori uji kaji

6

program di bawah kategori jaringan

10

program di bawah kategori teroka

8

program khas untuk belia

sa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Setakat ini, sebanyak 98 negara telah mengesahkan penyertaan daripada 105 negara antaranya China, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Afrika Selatan.

Program dwi tahunan ini telah dimulakan sejak tahun 1895. Se-



ABDUL FATTAH ABDULLAH mengucapkan terima kasih kepada perwakilan Persidangan ICA 2015 di Antalya, Turki setelah memilih Malaysia sebagai tuan rumah Persidangan ICA 2017.

Sebanyak 34 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan kali ini yang merangkumi pelbagai sektor termasuklah pembangunan belia, pelarian, pekerja asing dan sebagainya."

ABDUL FATTAH ABDULLAH Presiden Angkasa

lain Persidangan Antarabangsa ICA terdapat dua lagi program yang dijalankan serentak iaitu Mesyuarat Lembaga Jawatankuasa Statutori Ikatan Koperasi Antarabangsa dan Perhimpunan Agung ICA.

Dalam pada itu, dua program lain turut diadakan sem-

pena persidangan kali ini iaitu, Persidangan Tahunan Pertama ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS).

Abdul Fattah berkata, ICAKL 2017 menggunakan empat teknik pendekatan utama iaitu pembelajaran (learn), jaringan (network), uji kaji (experiment) dan meneroka benda baharu

(explore) bagi membolehkan peserta mendapatkan pelbagai input menarik sepanjang persidangan.

Menurutnya, persidangan itu juga bakal membincangkan hubungan kerajaan dan koperasi, pembangunan belia, perniagaan antara koperasi dan koperasi, krisis pelarian, koperasi institusi pendidikan dan pelbagai perkara lagi.

"Dua penceramah dijemput memberikan ucapan dalam majlis tersebut adalah bekas Perdana Menteri pertama wanita Norway, Gro Harlem Brundtland dan ahli Forum Ekonomi Dunia, Linda Yueh," katanya.

Abdul Fattah berkata, matlamat penganjuran kali ini adalah untuk memperkenalkan koperasi tempatan kepada luar negara dan diharap dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan dalam jalinan kerjasama antara koperasi.

Menurutnya, Malaysia mempunyai kekuatan produk dan perkhidmatan yang tidak banyak di negara lain seperti sistem kewangan Islam, produk halal dan koperasi sekolah.

"Jalinan kerjasama itu kelak akan menjadi titik tolak hubungan Malaysia dan negara luar bukan sahaja untuk perniagaan malah sebagai lokasi pelancongan yang dikenali ramai," katanya.





ABDUL FATTAH ABDULLAH (duduk, kiri) bersama Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Dr. Mohd. Khalil Yaakob dalam **MACCOPS 2015** di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh.

MACCOPS sasar transaksi RM200j

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) menyasarkan transaksi urus niaga sebanyak RM200 juta pada penganjuran kali ketiga melibatkan koperasi daripada dalam dan luar negara.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program tersebut akan menjadi medan terbaik memperkenalkan produk dan perkhidmatan koperasi kepada orang ramai dan juga dalam menjalinkan perhubungan perniagaan di antara koperasi.

"MACCOPS kali ini amat istimewa apabila diadakan bersama program antarabangsa Persidangan Global dan Perhimpunan Agung ICA (ICAKL 2017) dan pertama kali melibatkan peserta daripada luar negara.

"Pelbagai kerjasama perniagaan bakal diadakan dalam kalangan peserta karnival serta mempromosikan pelbagai perkhidmatan dan produk oleh koperasi yang terlibat," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sebanyak 162 ruang pameran disediakan termasuk 20 yang bakal disertai oleh koperasi antarabangsa termasuk daripada India, Filipina, China dan Korea Selatan yang berlangsung pada 15 hingga 19 November di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Bandar



MACCOPS kali ini amat istimewa apabila diadakan bersama program antarabangsa ICACL 2017 dan pertama kali melibatkan peserta daripada luar negara."

ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden Angkasa

Sunway, Selangor.

Antara produk dan perkhidmatan yang dipamerkan adalah perniagaan peruncitan dan pemborongan, inovasi dan teknologi, perladangan, perkhidmatan kewangan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, hartanah dan lain-lain.

Abdul Fattah berkata, pelbagai produk dan perkhidmatan ditawarkan oleh koperasi terpilih dalam negara dalam menyertai karnival kali ini yang mempunyai pelbagai peluang dalam memper-

tingkatkan perniagaan koperasi.

Menurutnya, semua koperasi yang menyertai karnival itu juga mempunyai kemampuan dalam memasarkan produk ke peringkat antarabangsa secara tidak langsung akan meningkatkan kepercayaan koperasi antarabangsa terhadap produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi tempatan.

"Produk yang akan dipamerkan juga sudah mempunyai kelayakan untuk di pasar ke luar negara seperti sijil amalan pengilangan baik (GMP), sijil kesihatan, halal dan lain-lain yang diiktiraf antarabangsa," katanya.

Selain daripada itu, orang ramai juga berpeluang melihat sendiri produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh koperasi sama ada untuk membeli sendiri atau melakukan perkongsian perniagaan pintar.

Tambahnya, pelbagai program turut diadakan untuk mempromosikan program tersebut seperti acara demonstrasi masakan, kebudayaan, cabutan bertuah dan pelbagai lagi acara menarik untuk pengunjung yang hadir.

"Pengunjung yang bertuah juga berpeluang membawa pulang hadiah bernilai lebih RM100,000 termasuk sebuah kereta Proton Iriz, motosikal, telefon pintar, televisyen, komputer dan sebagainya," katanya.

Koperasi penyumbang KDNK

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Koperasi mempunyai peranan besar dalam bidang ekonomi bukan sahaja kepada ahli malah kepada ekonomi negara melalui sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ketika ini, koperasi menyumbang sebanyak RM40 bilion tahun lepas iaitu kira-kira tiga peratus KDNK tahun lalu.

Menurutnya, koperasi kini dalam landasan yang betul kerana disasarkan mampu untuk menyumbang RM48 bilion kepada KDNK apabila memperlihatkan perolehan setengah tahun sebanyak RM24 bilion.

"Malaysia mempunyai lebih 13,000 koperasi dengan ahli seramai tujuh juta orang di seluruh negara yang mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara.

"Kita mahu menjadikan koperasi sebagai penyumbang yang signifikan kepada KDNK pada masa akan datang seperti Iran, Jepun dan negara maju lain yang menyumbang lebih 20 peratus," katanya.



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin mendengar penerangan Abdul Fattah Abdullah mengenai Pelan Strategik Angkasa 2050.



Abdul Fattah berkata, bagi merealisasikan hasrat tersebut pelbagai aktiviti perniagaan baharu yang mempunyai pulangan tinggi bakal membawa kepada penambahan perolehan tersebut seperti bidang hartanah, perladangan dan peruncitan.

Menurutnya, koperasi juga perlu meneroka perniagaan baharu serta mempelbagaikan ker-

jasama perniagaan bukan sahaja dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Tambahnya, penganjuran Persidangan Global dan Perhimpunan Agung ICA (ICAKL 2017) bakal menjadi medan yang sesuai.

"Peluang ini harus diambil oleh koperasi tempatan untuk belajar, mempromosi serta memasarkan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat luar bagi meningkatkan urus niaga mereka," katanya.

Angkasa kongsi kejayaan koperasi sekolah

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Kejayaan Malaysia membentuk generasi koperasi masa hadapan di sekolah menarik minat banyak gerakan koperasi seluruh dunia.

Naib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Kamarudin Ismail berkata, Malaysia adalah negara pertama di dunia yang mempunyai model seperti itu yang dilaksanakan sendiri oleh pelajar bagi mendalami ilmu perniagaan.

"Kita percaya akan kejayaan koperasi sekolah dan pendidikan pada peringkat awal mampu membentuk jati diri pelajar serta mengembangkan perniagaan koperasi di masa hadapan.

"Pengalaman dan kisah kejayaan mengenai koperasi sekolah akan dapat membantu lebih banyak ahli Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) untuk belajar modul yang kita untuk diaplikasi-



KAMARUDIN ISMAIL



MONIQUE F. LEROUX

kan ke luar negara," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Beliau juga akan bertanding Ahli Lembaga ICA bagi penggal 2017-2021 pada Perhimpunan Agung ICA yang berlangsung serentak pada Persidangan Global dan Perhimpunan Agung ICA (ICAKL 2017) di sini.

Pada perhimpunan agung itu turut menyaksikan seramai 26 calon termasuk beliau akan mengisi 15 tempat sebagai Ahli Lembaga ICA.

Jawatan Presiden ICA turut

diperandingkan diantara calon daripada Argentina, Ariel Guarco dan Yogeshwar Krishna daripada Fiji menggantikan Monique F. Leroux yang bakal menamatkan penggalnya.

Kamarudin berkata, pertandingan itu adalah medan kedua beliau kerana sebelum ini beliau tewas ketika pertandingan di Cape Town, Afrika Selatan pada tahun 2013 dan di harap mampu Malaysia mampu mempunyai wakil dalam ICA kali ini.

Menurutnya, kali ini kita mempunyai misi untuk berkongsi kejayaan koperasi sekolah pada semua ahli gabungan koperasi antarabangsa.

"Sebelum ini banyak negara yang berminat mendapatkan modul tersebut termasuklah Korea, Timur Leste, Indonesia dan lain-lain. Tibalah masanya untuk mengembangkan koperasi sekolah ke seluruh dunia," katanya.